

# Bab 8

## PILIHAN RAYA

**Arahan:** Tiap-tiap soalan yang berikut diikuti oleh empat jawapan pilihan iaitu A, B, C, dan D. Pilihlah satu jawapan yang paling sesuai.

### 8.1 Perkembangan Pilihan Raya di Persekutuan Tanah Melayu

(Buku Teks m.s. 196 – 197)

1 Apakah maksud pilihan raya?

- A Asas perpaduan kaum
- B Asas berkerajaan sendiri
- C Asas pembinaan bangsa
- D Asas pembentukan negara

(Buku Teks m.s. 196)

2 Bagaimanakah pembentukan kerajaan dilaksanakan di Tanah Melayu?

- A Melalui proses pilihan raya
- B Perkenan Raja-raja Melayu
- C Pemilihan oleh Ratu England
- D Melalui penubuhan parti politik

(Buku Teks m.s. 196)

3 Senarai berikut merupakan peringkat pilihan raya sebelum merdeka.

- Pilihan raya peringkat perbandaran
- Pilihan raya peringkat negeri
- Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan

Apakah tujuan pilihan raya tersebut?

- A Perpaduan kaum dibentuk
- B Proses memilih wakil rakyat
- C Penggubalan undang-undang
- D Penyatuan negara dikukuhkan

(Buku Teks m.s. 196)

4 Jawatankuasa berikut ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Jawatankuasa Pilihan Raya

Apakah peranan jawatankuasa tersebut?

- I Memilih calon pilihan raya
- II Memantau kawasan pilihan raya
- III Mengkaji pengurusan pilihan raya
- IV Membuat cadangan proses pilihan raya
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

5 Maklumat berikut berkaitan dengan penggubalan perundangan.

| Tahun         | 1950                                         |
|---------------|----------------------------------------------|
| Undang-Undang | Ordinan Pilihan Raya Pihak Berkuasa Tempatan |

Berdasarkan ordinan tersebut, apakah pihak yang berkuasa untuk mengadakan pilihan raya pada tahun 1950?

- A Pejabat Tanah
- B Pejabat Daerah
- C Majlis tempatan
- D Majlis perbandaran

(Buku Teks m.s. 196)

6 Pilihan raya berikut yang manakah merupakan pilihan raya pertama di negara kita?

- A Pilihan Raya Negeri Selangor
- B Pilihan Raya Umum Persekutuan
- C Pilihan Raya Perbandaran Kota Bharu
- D Pilihan Raya Perbandaran George Town

(Buku Teks m.s. 197)

7 Jadual berikut berkaitan dengan Pilihan Raya Perbandaran George Town.

| Tahun | Proses Pilihan Raya                |
|-------|------------------------------------|
| 1951  | Hari pendaftaran pemilih diadakan. |

Berapakah tempoh hari pendaftaran pemilih?

- A 2 minggu
- B 4 minggu
- C 6 minggu
- D 8 minggu

(Buku Teks m.s. 197)

8 Pilihan Raya Persekutuan Kuala Lumpur (1952) dilaksanakan untuk merebut 12 kerusi Majlis Perbandaran Kuala Lumpur.

Apakah kawasan yang terlibat?

- I Cheras
- II Ampang
- III Bangsar
- IV Petaling Jaya
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 197)

- 9 Gabungan parti berikut berlaku dalam Pilihan Raya Perbandaran Kuala Lumpur pada tahun 1952.

- UMNO bahagian Kuala Lumpur
- MCA bahagian Selangor

Apakah nama gabungan parti tersebut?

- A Parti Buruh C Parti Amanah  
B Parti Negera D Parti Perikatan

(Buku Teks m.s. 197)

- 10 Pernyataan berikut berkaitan dengan pilihan raya peringkat negeri.

| Tarikh    | 1954                                                                                    |
|-----------|-----------------------------------------------------------------------------------------|
| Keputusan | Perikatan UMNO-MCA telah memenangi 226 kerusi daripada 268 kerusi yang dipertandingkan. |

Apakah kesimpulan yang boleh dibuat daripada kemenangan tersebut?

- A Pelaksanaan pilihan raya adalah telus  
B Kerjasama kaum mendapat sokongan  
C Sokongan rakyat terhadap kemerdekaan  
D Kewibawaan calon menjadi pilihan utama

(Buku Teks m.s. 197)

- 11 Mengapakah pilihan raya peringkat awal di Persekutuan Tanah Melayu penting kepada negara?

- A Mengelakkan pembolotan kuasa  
B Menjamin kedudukan hak rakyat  
C Melaksanakan amalan demokrasi  
D Melibatkan rakyat dalam pentadbiran

(Buku Teks m.s. 197)

## 8.2 Proses Pilihan Raya Umum Pertama

(Buku Teks m.s. 198 – 203)


- 12 Apakah tujuan pilihan raya berikut dilaksanakan?

Pilihan Raya Umum Pertama

- A Mengadakan pemilihan Majlis Raja-raja Melayu  
B Memilih anggota Majlis Perundangan Persekutuan  
C Melatih penduduk tempatan mengurus pilihan raya  
D Merealisasikan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu

(Buku Teks m.s. 198)

- 13 Pilih jawapan yang tepat bagi proses Pilihan Raya Umum Pertama.



|   | X                      | Y                      |
|---|------------------------|------------------------|
| A | Pengesahan warganegara | Penentuan sempadan     |
| B | Penentuan sempadan     | Mengadakan kempen      |
| C | Menyemak pendaftaran   | Pengesahan warganegara |
| D | Mengadakan kempen      | Penentuan sempadan     |

(Buku Teks m.s. 198)

- 14 Apakah isu utama yang perlu disepakati sebelum Pilihan Raya Umum Pertama?

- A Bilangan ahli MPP  
B Lokasi pilihan raya  
C Syarat menjadi calon  
D Syarat umur pengundi

(Buku Teks m.s. 198)

- 15 Terdapat ahli yang dilantik mewakili golongan minoriti bagi dua bentuk penyata susunan MPP. Berapa yang dilantik mewakili golongan tersebut?

- A Seorang C Tujuh orang  
B Tiga orang D Sebelas orang

(Buku Teks m.s. 198)

- 16 Apakah persamaan dua ahli rasmi dalam Bentuk A dan Bentuk B mengikut susunan MPP?

- I Setiausaha Pertahanan  
II Setiausaha Ekonomi  
III Setiausaha Kesihatan  
IV Setiausaha Pengangkutan

- A I dan II C II dan III  
B I dan IV D III dan IV

(Buku Teks m.s. 198)

- 17 Jadual berikut berkaitan dengan tempoh Pilihan Raya Persekutuan mengikut susunan Majlis Perundangan Persekutuan.

| Bentuk A                                      | Bentuk B                                   |
|-----------------------------------------------|--------------------------------------------|
| Diadakan tidak lewat dari bulan November 1954 | Tidak menetapkan tarikh atau masa tertentu |

Apakah pihak yang menyokong Bentuk A?

- A Sistem Ahli
- B Parti Perikatan
- C Pesuruhjaya Tinggi British
- D Jawatankuasa Pilihan Raya

(Buku Teks m.s. 198)

- 18 Mengapakah peristiwa berikut dilakukan?

| Tarikh        | Peristiwa                                                                  |
|---------------|----------------------------------------------------------------------------|
| 21 April 1954 | Tunku Abdul Rahman berangkat ke London bersama-sama dengan Tan Cheng Lock. |

- A Mendapat mandat daripada British
- B Menentukan bilangan anggota MPP
- C Menuntut penubuhan Kabinet pertama
- D Menetapkan tarikh kemerdekaan negara

(Buku Teks m.s. 199)

- 19 Tunku Abdul Rahman telah bertemu dengan ahli Parlimen daripada beberapa buah parti di London.

Apakah parti tersebut?

- I Parti Liberal
- II Parti Sosialis
- III Parti Nationalist
- IV Parti Konservatif

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 199)

- 20 Tunku Abdul Rahman berhasrat menentukan tiga perlima bilangan anggota MPP. Bagaimanakah hasrat tersebut disampaikan kepada ahli Parlimen British?

- A Melaksanakan kempen
- B Mengadakan rundingan
- C Menggunakan akhbar
- D Menampal poster

(Buku Teks m.s. 199)

- 21 Maklumat berikut berkaitan dengan persetujuan jumlah MPP oleh pihak British.

52 orang akan dipilih melalui pilihan raya.

Apakah parti yang menyokong keputusan tersebut?

- A UMNO
- B Parti Perikatan
- C Pergerakan Pemuda Melayu
- D Parti Islam Se-Tanah Melayu

(Buku Teks m.s. 199)

- 22 Seorang penyelia dilantik bagi menjamin pelaksanaan pilihan raya yang sistematik. Siapakah tokoh tersebut?

- A T. E. Smith
- B Dato' Onn Jaafar
- C Donald MacGillivray
- D Tunku Abdul Rahman

(Buku Teks m.s. 200)

- 23 Mengapakah Suruhanjaya Penentuan Sempadan Kawasan ditubuhkan?

- A Meluluskan lambang parti calon
- B Menentukan kawasan pilihan raya
- C Mengendalikan kempen pilihan raya
- D Menjalankan pendaftaran parti politik

(Buku Teks m.s. 200)

- 24 Dialog berikut mungkin berlaku semasa pendaftaran calon pilihan raya.

**En. Ali:** *Saya berhajat untuk menjadi calon Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.*

**En. Samad:** *Saya yakin En Ali mesti berjaya menjadi calon.*

Apakah faktor yang melayak En. Ali menjadi calon?

- I Tidak muflis
- II Taat pada negara
- III Warganegara PTM
- IV Berumur 21 tahun ke atas
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 200)

- 25 Apakah syarat untuk menjadi pengundi dalam Pilihan Raya Umum Pertama?  
 A Boleh berbahasa Melayu  
 B Berumur 18 tahun ke atas  
 C Lahir di Negeri-negeri Melayu  
 D Warganegara Persekutuan Tanah Melayu

(Buku Teks m.s. 200)

- 26 Berapakah tempoh kempen pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955?  
 A 35 hari C 45 hari  
 B 40 hari D 50 hari

(Buku Teks m.s. 201)

- 27 Apakah kandungan laporan Pilihan Raya Pertama Majlis Perundangan Persekutuan Tanah Melayu 1955?  
 A Senarai calon yang layak diundi  
 B Kebaikan pelaksanaan pilihan raya  
 C Pencapaian pilihan raya di Sarawak  
 D Penerangan berkaitan proses pilihan raya

(Buku Teks m.s. 202)

- 28 Gambar berikut berkaitan dengan calon yang memenangi pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.



Apakah parti yang memenangi pilihan raya tersebut?

- A Parti Buruh C Parti Progresif  
 B Parti Negara D Parti Perikatan

(Buku Teks m.s. 202)

- 29 Pilihan raya tempatan pertama di Sarawak telah diadakan pada tahun 1956. Apakah matlamat pilihan raya tersebut?  
 A Pengundian untuk menyertai Malaysia  
 B Penentuan sempadan di setiap wilayah  
 C Persediaan ke arah berkerajaan sendiri  
 D Penyelesaian penyatuan pelbagai kaum

(Buku Teks m.s. 203)

- 30 Kuching telah dibahagikan kepada beberapa kawasan dalam pilihan raya Kuching Municipal Council.

Berapakah pembahagian kawasan tersebut?

- A Tiga kawasan C Tujuh kawasan  
 B Lima kawasan D Sembilan kawasan

(Buku Teks m.s. 203)

- 31 Apakah persamaan jawatan tokoh berikut selepas pilihan raya di Sarawak?

| Pilihan Raya                       | Tokoh          |
|------------------------------------|----------------|
| Kuching Municipal Council (KMC)    | William Tan    |
| Sibu Urban District Council (SUDC) | Ting Chew Huat |

- A Penasihat C Setiausaha  
 B Pengerusi D Timbalan Pengerusi

(Buku Teks m.s. 203)

- 32 Mengapakah rakyat pelbagai kaum menyokong pilihan raya di Sarawak?

- A Memilih wakil dalam kerajaan  
 B Menentang perluasan kuasa Brooke  
 C Memperkukuhkan sistem pertahanan  
 D Mengatasi pertelingkahan antara ketua

(Buku Teks m.s. 203)

- 33 Apakah tugas Setiausaha Kolonial bagi Kerajaan Tempatan di Sabah?

- A Ketua pengira undi  
 B Ketua sempadan  
 C Pendaftar pengundi  
 D Penguasa Pilihan Raya

(Buku Teks m.s. 203)

### 8.3 Penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan

(Buku Teks m.s. 204 – 205)

- 34 Pilihan Raya Persekutuan Tanah Melayu 1955 telah berjaya membentuk Kerajaan Persekutuan. Apakah parti yang membentuk Kerajaan Persekutuan tersebut?

- A Parti Negara  
 B Parti Perikatan  
 C Parti Progresif Perak  
 D Parti Kebangsaan Perak

(Buku Teks m.s. 204)

37 Apakah peranan Majlis Perundangan Persekutuan pada peringkat Persekutuan Tanah Melayu?

- A Mengambil alih tugas pentadbiran
- B Membina negara bangsa yang utuh
- C Memajukan sektor pertanian negara
- D Menggubal perundangan pentadbiran

(Buku Teks m.s. 204)

38 Majlis Perundangan Persekutuan 1948 terdiri daripada wakil beberapa peringkat.

Apakah wakil tersebut?

- A Majlis Negeri
- B Dewan Rakyat
- C Dewan Negara
- D Majlis Raja-Raja

(Buku Teks m.s. 204)

39 Keanggotaan Majlis Perundangan Persekutuan 1948 terdiri daripada 3 orang ex officio.

Siapakah ex officio tersebut?

- I Setiausaha Kewangan
  - II Pesuruhjaya Tinggi British
  - III Menteri Kerajaan Tempatan
  - IV Ketua Setiausaha Kerajaan
- A I dan II                      C II dan III  
B I dan IV                     D III dan IV

(Buku Teks m.s. 204)

40 Pernyataan berikut merujuk kepada jumlah bilangan ahli MPP pada tahun 1955.

Seramai 35 orang dari kalangan kumpulan yang berkepentingan dilantik menjadi ahli MPP.

Apakah kumpulan berkepentingan tersebut?

- A Perguruan
- B Perundangan
- C Kesusasteraan
- D Keusahawanan

(Buku Teks m.s. 204)

41 Masih terdapat pegawai British yang masih bertugas selepas penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan 1955.

Apakah tugas pegawai British tersebut?

- A Penasihat bidang perbendaharaan
- B Penasihat bidang keselamatan
- C Penyelia sistem prasarana
- D Penyelia kerajaan pusat

(Buku Teks m.s. 204)

40 Apakah kesan penubuhan majlis berikut terhadap negara?

Majlis Perundangan Persekutuan 1955

- A Sistem Ahli dimansuhkan
- B Perjanjian PFM dikekalkan
- C Pakatan murni dilaksanakan
- D Jawatankuasa Kerja ditubuhkan

(Buku Teks m.s. 204)

41 Maklumat berikut merujuk kepada ucapan perasmian Tunku Abdul Rahman pada 31 Ogos 1955.

"Ini adalah hari yang amat penting dalam sejarah Majlis ini" dan sebuah peristiwa penting dalam perjuangan Tanah Melayu ke arah berkerajaan sendiri.

Apakah majlis yang dimaksudkan dalam ucapan tersebut?

- A Majlis Raja-raja Melayu
- B Majlis pelantikan Ketua Menteri
- C Majlis Pilihan Raya Persekutuan
- D Majlis Perundangan Persekutuan

(Buku Teks m.s. 205)

42 Gambar berikut merujuk kepada Parlimen Persekutuan Malaya yang ditubuhkan pada 11 September 1959.



Siapakah yang merasmikan persidangan pertama di situ?

- A Perdana Menteri
- B Raja-raja Melayu
- C Yang di-Pertuan Agong
- D Pesuruhjaya Tinggi British

(Buku Teks m.s. 205)

## 8.4 Peranan Kabinet Pertama Persekutuan Tanah Melayu

(Buku Teks m.s. 206 – 207)

- 43 Kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu telah dibentuk pada tahun 1955. Bagaimanakah kabinet pertama dibentuk?
- Pengenalan Suruhanjaya Reid
  - Akta Perundangan Persekutuan
  - Pelaksanaan Pilihan Raya Umum
  - Akta Penubuhan Parlimen

(Buku Teks m.s. 206)

- 44 Jadual berikut menyenaraikan kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu.

| Jawatan                                | Nama                      |
|----------------------------------------|---------------------------|
| Ketua Menteri dan Menteri Dalam Negeri | Tunku Abdul Rahman        |
| Menteri Pelajaran                      | Dato' Abdul Razak Hussein |
| Menteri Hasil Bumi                     | Dr. Ismail A. Rahman      |
| Menteri Pengangkutan                   | Kolonel H.S. Lee          |
| Menteri Tanam-tanaman                  | Abdul Aziz Ishak          |
| Menteri Kesihatan                      | Leong Yew Koh             |
| Menteri Buruh                          | V.T. Sambanthan           |
| Menteri Kerja Raya                     | Sardon Jubir              |
| Menteri Kerajaan Tempatan & Perumahan  | Sulaiman Abdul Rahman     |
| Menteri Perhubungan, Pos dan Telekom   | Ong Yoke Ling             |

Apakah tugas 10 menteri tersebut?

- Menasihati Ketua Menteri
- Mentadbir negara
- Menjadi pemerhati
- Meluluskan undang-undang

(Buku Teks m.s. 206)

- 45 Apakah model pentadbiran yang diguna pakai oleh kabinet pertama?
- Model Interim
  - Model Legalistik
  - Model Eksekutif
  - Model Westminster

(Buku Teks m.s. 206)

- 46 Apakah jawatan Tunku Abdul Rahman dalam kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu?

- Ketua Menteri
- Ketua Jabatan
- Menteri Pertanian
- Menteri Kerja Raya

(Buku Teks m.s. 206)

- 47 Bagaimanakah kuasa Pesuruhjaya Tinggi dikurangkan selepas pelantikan kabinet pertama?

- Melalui Majlis Raja-Raja
- Membatalkan kuasa veto
- Kuatkuasa Parlimen Malaya
- Pemohonan pada Ratu England

(Buku Teks m.s. 206)

- 48 Apakah persamaan tugas menteri kabinet pertama berikut?

- Menteri Buruh
- Menteri Kesihatan
- Menteri Pos dan Telekom

- Membincangkan soal kewangan
  - Membanteras ancaman komunis
  - Menyertai misi rundingan kemerdekaan
  - Mengurangkan kuasa pentadbiran British
- I dan II
  - I dan IV
  - II dan III
  - III dan IV

(Buku Teks m.s. 206)

- 49 Apakah sumbangan tokoh berikut dalam barisan kabinet pertama negara?

Dato' Abdul Razak Hussein

- Memajukan sistem pendidikan negara
- Membasmi masalah kemiskinan rakyat
- Memantapkan sistem perkhidmatan awam
- Meningkakan mutu perkhidmatan perubatan

(Buku Teks m.s. 206)

- 50 Bagaimanakah tokoh berikut menjadikan perkhidmatan awam bercorak tempatan?

| Nama             | Menteri       |
|------------------|---------------|
| V. T. Sambanthan | Menteri Buruh |

- Mengadakan kursus perkhidmatan awam
- Memberi kuasa kepada majlis perbandaran
- Mengurangkan pegawai Eropah dalam MCS
- Melantik orang tempatan mengetahui pentadbiran

(Buku Teks m.s. 206)